

Pelbagai langkah dilakukan bagi pastikan kesihatan peserta NDP

JAWATANKUASA

Eksekutif Perbarisan Hari Kebangsaan 2009 (Exco NDP 09) telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan untuk memastikan kesihatan peserta NDP terjamin.

Langkah-langkah pencegahan itu dilaksanakan dalam dua tahap iaitu sebelum dan semasa latihan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Perubatan, Kolonel (Dr) Tan Peng Hui, langkah-langkah yang dilakukan di peringkat nasional seperti mendapatkan sejarah perjalanan peserta, turut dilakukan bagi sesi latihan NDP.

Katanya, mereka yang telah mengunjungi negara-negara yang terjejas dengan virus H1N1 telah diberitahu supaya tidak menghadirkan diri.

Begitu juga dengan mereka yang telah berhubung dengan pesakit yang menghidap H1N1 atau kelompok penularan H1N1.

Kata Kolonel Tan lagi, para peserta yang didapati menunjukkan sebarang tanda menghidap flu juga akan dibawa ke salah satu daripada lima pos perubatan di kawasan pentas terapung atau bangunan ruang perhentian kereta (pit) Formula Satu (F1).

Menurut Pengerusi bahagian Operasi dan Keselamatan, Kolonel Kenneth Liow, selain menyediakan 20 tempat mencuci tangan di beberapa lokasi yang mudah dikunjungi peserta yang berada di kawasan bangunan ruang perhentian kereta F1, pihaknya juga akan memastikan tandas yang bersih.

Tandas lebih kerap dicucui dan pengaliran udara lebih baik dengan penggunaan kipas yang kencang putarannya.

Langkah-langkah yang diambil itu sangat melegakan para peserta NDP.

Salah seorang daripada

mereka, Cik Maragatham Sivalingam, 31 tahun, berkata beliau berasa lebih selamat dengan langkah-langkah yang dilaksanakan pihak penganjur.

“Walaupun rasa bimbang tetap ada, langkah-langkah yang dilaksanakan membuat saya rasa lebih yakin dan saya rasa semua yang terlibat dalam NDP harus melaksanakan tanggungjawab sosial bukan sahaja pada diri sendiri, malahan mereka yang berada di keliling kita,” tambahnya.

Beliau, yang turut menyelia lebih 100 orang penari daripada Akademi Seni Bhaskar, berkata bahawa kumpulannya turut memastikan mereka melakukan pemeriksaan suhu badan sebelum ke kawasan pentas terapung.

Mereka yang menunjukkan tanda-tanda flu itu akan diarahkan supaya berehat saja di rumah, tambah Cik Maragatham.